

## RELEVANSI PENGHIJRAHAN NABI DALAM DIRI UMATNYA

### PENGENALAN

Jika ditelusuri ayat-ayat di dalam al-Quran, maka akan ditemui bahawa Allah SWT telah memuliakan empat bulan di dalam putaran 12 bulan yang dilalui oleh hambaNya. Situasi ini adalah seperti mana yang telah dirakamkan di dalam *Surah al-Taubah* yang bermaksud:

*“sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan, (yang ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati, ketetapan yang demikian adalah agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu, dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya, dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa”*

(*Surah al-Taubah*; ayat 36)

Berdasarkan pada ayat ini, para ulama tafsir seperti Ibn Kathir di dalam kitab tafsirnya yang mahsyur *Tafsir Ibn Kathir*, telah menjelaskan bahawa empat bulan yang dimuliakan oleh Allah SWT di dalam ayat di atas adalah Muharram, Rejab, Dhu al-Qaidah dan Dhu al-Hijjah. Ibn Kathir telah menaakalkan perkara ini berdasarkan riwayat yang diriwayatkan melalui jalan Ibn `Abbas. Signifikan terhadap firman Allah SWT ini maka masyarakat arab dilarang untuk melakukan sebarang peperangan maupun pencerobahan di dalam bulan-bulan berkenaan.

Namun begitu jika dilihat dari sudut perspektif sejarah, masyarakat arab ketika zaman jahiliyah tidak mempunyai kalender khusus seperti mana yang berlaku pada zaman kini. Menurut beberapa pengkaji sejarah Islam antaranya seperti Dr Jawwad `Ali di dalam bukunya *al-Fussol fi Tarikh al-`Arab Qabl al-Islam*, beliau menyatakan masyarakat arab ketika di awal perkembangannya mereka akan menamakan setiap tahun itu berdasarkan kepada peristiwa besar yang dilalui oleh mereka. Salah satunya adalah peristiwa hijrah Nabi SAW dan realiti ini berlaku selama 10 tahun sehinggalah tahun kewafatan Nabi SAW pada tahun ke-11 hijrah. Tahun-tahun yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- 1) Tahun pertama hijrah diberikan dengan nama *al-Izn*
- 2) Tahun kedua hijrah diberikan dengan nama *al-Amr bi al-Qatal*
- 3) Tahun ketiga hijrah diberikan dengan nama *al-Tamhish*
- 4) Tahun keempat hijrah diberikan dengan nama *al-Turfiah*
- 5) Tahun kelima hijrah diberikan dengan nama *al-Zalzal*
- 6) Tahun keenam hijrah diberikan dengan nama *al-Isti`nas*
- 7) Tahun ketujuh hijrah diberikan dengan nama *al-Istighlab*
- 8) Tahun kelapan hijrah diberikan dengan nama *al-Istiwa`*
- 9) Tahun kesembilan hijrah diberikan dengan nama *al-Bara`ah*

10) Tahun kesepuluh hijrah diberikan dengan nama *al-Wada`*

Situasi ini berlarutan sehinggalah pada zaman pemerintahan Saidina `Umar ibn al-Khattab. Ketika zaman Saidina Umar, beliau banyak menerima surat daripada salah seorang gabenornya iaitu Abu Musa al-`Asyari, daripada surat-surat yang diterimanya itu Saidina Umar tidak dapat mengetahui mana surat yang diterimanya terlebih dahulu dan mana surat terkemudian diterimanya. Oleh yang demikian, tercetus idea daripadanya untuk meletakkan tarikh pada surat-surat yang bakal diterimanya nanti. Bagi merealisasikan hal demikian, Saidina Umar telah memanggil ahli syura yang dilantiknya yang terdiri dalam kalangan sahabat Nabi SAW untuk membincangkan hal berkenaan.

Daripada perbincangan berkenaan, maka tercetus idea yang mengusulkan bahawa tahun awal kalender Islam dimulakan peristiwa hijrah Nabi SAW. Justifikasinya peristiwa hijrah merupakan salah satu peristiwa yang besar di dalam Islam, kerana ianya menjadi pemisah garis besar antara yang batil dan yang haq. Seperkara yang mustahak perlu diketahui di dalam peristiwa hijrah adalah, pemilihan awal kalendar Islam pada bulan Muharram bukanlah bermaksud peristiwa hijrah itu berlaku pada hari pertama di dalam bulan Muharram, seperti mana yang dikisahkan oleh beberapa "orang".

Menurut beberapa tokoh Islam antaranya seperti al-Mubarakfuri di dalam bukunya yang cukup terkenal *al-Rahiq al-Makhtum*, menyatakan bahawa penghijrahan Nabi SAW bersama Abu Bakr berlaku pada penghujung bulan Safar sehinggalah pada tanggal 12 bulan Rabi` al-Awwal. Namun begitu, pemilihan bulan Muharram berkenaan adalah disebabkan, umat Islam pada waktu berkenaan baru selesai menunaikan kewajipan haji, maka ianya secara tidak langsung telah memberi keazaman kepada setiap umat Islam untuk melakukan penghijrahan diri mereka daripada buruk kepada yang baik. Bermula daripada idea berkenaan, umat Islam secara rasminya menggunakan kalendar Islam semasa zaman Saidina Umar menjadi khalifah dan dimulakan pada tahun ke-16 atau ke-17 hijrah.

### **Sekilas Pandang Penghijrahan Nabi SAW**

Dalam realiti masa kini apabila tibanya bulan Muharram, tidak dapat dinafikan para agamawan akan membawakan kepada masyarakat berkenaan kisah penghijrahan Nabi SAW. Menerusi arahan yang telah diberikan kepada Allah SWT kepada Nabi SAW untuk keluar daripada bumi kelahiran Nabi SAW agar berkelana berhijrah ke bumi Madinah, ianya menjadi indikator jelas bahawa ketamadunan Islam yang unggul bakal terbina.

Jika dihayati kembali beberapa riwayat yang membawakan sejarah yang terdahulu, seperti yang terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari*, terdapat beberapa figura yang terlibat

secara langsung di dalam peristiwa besar ini. Abu Bakr seorang sahabat setia kepada Baginda SAW telah menawarkan dirinya untuk keluar bersama Nabi SAW. Tawaran berkenaan telah disampaikan sendiri kepada Abu Bakr di rumah Abu Bakr ketika waktu tengah hari sedang beliau duduk bersama Saidatina `Aisyah anak kesayangannya. Saidatina `Aisyah yang melihat kejadian yang berlaku itu, telah mengambil tugas yang pantas dengan menyediakan makanan dan dimasukkan di dalam bungkusan, kemudian Asma` binti Abu Bakr yang melihat pengorbanan saudara perempuannya turut menyumbangkan tenaganya dalam peristiwa sejarah yang agung ini dengan membelah dua tali pinggangnya supaya dapat memasukkannya bungkusan berkenaan di dalamnya. Dengan pengorbanan Asma` itulah beliau telah dikenali dengan gelaran *Zaatu an Nithaqain*” (*perempuan yang memiliki dua tali pinggan*)”

Gua Thur yang terletak di bahagian selatan Kota Ka`bah telah menjadi saksi pengorbanan beberapa para sahabat Nabi SAW di dalam menjayakan misi hijrah Nabi SAW dan sahabatnya Abu Bakr al-Siddiq. Abd Allah ibn Abu Bakr (anak kepada Abu Bakr) yang ditugaskan menjadi “perisik” bertindak menyalur segala berita kepada Rasulullah SAW dan bapanya sekiranya terdapat perkhabaran yang boleh mengancam nyawa dua orang yang paling dikasihi oleh umat Islam. Justeru, bagi memastikan Nabi SAW dan Abu Bakr mendapat bekalan makanan dan minuman yang mencukupi, seorang hamba bebasan Abu Bakr yang bernama Amir ibn Fuhairah telah bertindak melepaskan kambing peliharaannya pada waktu Isyak ke kawasan persembunyian Nabi SAW dan Abu Bakr. Usaha berkenaan membolehkan Nabi SAW dan Abu Bakr mendapat bekalan susu yang mencukupi daripada kambing berkenaan, perkara itu berlangsung selama tiga hari.

Bagi menjayakan misi besar ini, Baginda SAW dan Abu Bakr telah melantik seorang lelaki Quraisy daripada Bani al-Dhil dan turut dibantu oleh Amir ibn Fuhairah sebagai penunjuk jalan kepada mereka berdua dan perjalanan mereka menggunakan jalan berpasir di tepian pantai. Para ahli sejarah Islam, antaranya seperti Ibn al-Mulaqqin dan Sham ad-Din al-Karamani menyatakan lelaki Quraisy daripada Bani al-Dhil itu adalah `Abd Allah ibn Uraiqt yang berpengalaman luas dalam mengenali jalan-jalan pasir.

Berdasarkan kepada kisah hijrah yang diriwayatkan di dalam *Sahih al-Bukhari* ini, dapat diketahui bahawa terdapat beberapa individu lain yang menyokong misi besar ini. Walaupun `Abd Allah ibn Uraiqt seorang lelaki Quraisy, namun Nabi SAW dan Abu Bakr menaruh kepercayaan tinggi kepadanya untuk merealisasikan misi besar itu. Maka hasilnya, penghijrahan Nabi SAW dan sahabatnya dapat direalisasikan dan terbinalah sebuah negara Islam pertama di Madinah.

## **Memaknai Makna Hijrah Dalam Diri Manusiawi**

Walaupun di dalam realiti masa kini, penghijrahan seperti mana berlaku pada zaman Nabi SAW tidak lagi berlaku tetapi penghijrahan secara maknawi di dalam diri seseorang insan itu tetap sering kali berlaku. Nabi SAW telah bersabda di dalam sebuah hadithnya:

*“tidak ada lagi hijrah selepas pembukaan Kota Mekkah, tetapi yang ada adalah jihad dan niat, maka jika kalian diperintahkan berangkat untuk berjihad, maka berangkatlah”*

(*Sahih al-Bukhari*; nombor hadith 2825)

Hadith berkenaan telah dilafazkan oleh Nabi SAW lebih 1400 tahun yang lampau. Walaupun begitu, bagi mengambil semangat terhadap apa yang dilafazkan oleh Nabi SAW terus mekar dan subur di dalam diri seseorang yang beriman. Sejarah silam telah membuktikan bagaimana Nabi SAW secara berani dan berprinsip telah mengubah serta melakukan penghijrahan pada diri setiap masyarakat arab daripada tidak mempunyai pendirian akidah yang jelas kepada masyarakat yang sanggup berkorban jiwa dan raga demi mempertahankan akidah yang satu. Justeru, menurut pemikir Islam masa kini Prof Dr Sidek Baba di dalam sebuah artikelnya yang berjudul Hijrah dan Pengaruh Perubahan, beliau menekankan bahawa asas yang membatasi jahiliyah atau tidak sesebuah zaman itu adalah pada 3 elemen utama iaitu akidah, iman dan takwa seseorang.

Sepanjang 23 tahun misi dan visi Nabi SAW menjadi utusan Allah SWT, Baginda telah melakukan tugas yang sangat cemerlang dalam memahatkan terus ketiga-tiga elemen berkenaan di dalam diri umatnya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat dalam kalangan umatnya semakin melupai perjuangan Nabi SAW setelah pelbagai anasir atau dakyah yang cuba dimainkan oleh beberapa kelompok tertentu. Maka tidak hairanlah, sebahagian remaja masa kini lebih mengangungkan artis, penyalahgunaan dadah, tidak mengambil berat terhadap ancaman yang diterangkan oleh Nabi SAW dan pelbagai lagi yang menggambarkan kehidupan jahiliyah semakin mencengkam diri mereka.

Maka adalah sangat mustahak setiap diri umat Islam mempunyai jati diri yang jelas dalam mendepani segala macam tribulasi dan fitnah pada akhir zaman ini. Penghijrahan secara fizikal yang dilalui oleh Nabi SAW dan beberapa sahabatnya bukan hanya dilihat sekadar perjalanan dari kota Mekkah ke kota Madinah sahaja. Tetapi ianya mempunyai nilai yang tinggi dalam membentuk jiwa yang kukuh terhadap pembentuk akidah, iman dan takwa seseorang muslim. Seseorang yang mempunyai keteguhan yang mantap pada ketiga-tiga elemen tersebut akan berpengang dengan jati diri jelas apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran.

## **Penutup**

Penghijrahan Nabi SAW telah membawa banyak erti kepada umat Islam pada masa kini. Untuk menjadikan umat Islam kembali dipandang tinggi seperti mana zaman kegemilangan dahulu yang telah menguasai seantero dunia, maka penghayatan terhadap “roh” hijrah Nabi SAW perlu dihayati dan diteladani oleh segenap lapisan zaman.

(Artikel ini telah disumbangkan oleh Kapt Dr Mohd Nor Adli bin Osman, Jurulatih ILMI ATM)